



Seri Paduka, PM solat sunat Aidilfitri di surau Istana Negara

Aidilfitri disambut meriah di seluruh negara kelmarin dengan masjid dan surau menjadi tumpuan umat Islam bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri, sebelum meneruskan tradisi kunjung mengunjung. Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berangkat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Surau Utama Istana Negara. Turut serta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta jemaah menteri. Sambutan rasmi juga diadakan di negeri-negeri dengan dihadiri kenamaan dan orang ramai.